

128

SOALAN NO.: 456

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB. DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD  
KAWASAN : LANGKAWI**

**SOALAN:**

**YB. DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kementerian memperuntukkan kepada Pulau Langkawi bagi pembinaan jalan-jalan baru, terutamanya cadangan jalan dari Kampung Chandek Kura ke Pantai Chenang.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, pada peringkat ini, Kerajaan tiada perancangan untuk membina jalan baru dan menaiktaraf rangkaian Jalan Persekutuan di Pulau Langkawi berdasarkan Laporan Highway Network Development (HNDP) termasuklah cadangan menaiktaraf jalan dari Kampung Chandek Kura ke Pantai Chenang, Langkawi.

Walaupun bagaimanapun, terdapat satu projek yang masih dalam pelaksanaan di bawah Kementerian ini iaitu Projek Pembinaan Jalan Dari Kuala Temoyong ke Teluk Baru dan Pantai Tengah, Langkawi, Kedah. Status semasa projek ini adalah di peringkat perolehan iaitu proses penilaian tender.

Sekian, terima kasih.